

Rakyat Malaysia ditahan miliki dadah

20 Disember 2017

Rakyat Malaysia ditahan miliki dadah

Denpasar: Polis Indonesia menahan tiga lelaki masing-masing warga Australia, Amerika Syarikat (AS) dan Malaysia di Bali atas kesalahan dadah.

Ketiga-tiga suspek ditahan dalam kes berasingan hadir ke sidang media memakai pakaian berwarna oren dan topeng muka dengan dikawal ketat polis bersenjata.

Pihak berkuasa memberitahu, dadah jenis methamphetamine dan ecstasy ditemui dalam botol dan bekas lain di dalam bagasi warga Australia itu sejurus tiba dari Bangkok kelmarin.

"Anggota kami menemui lima bungkusan mengandungi dadah seberat 19.97 gram dan 14 pil seberat 6.22



TIGA suspek (dari kiri) warga Australia, AS dan Malaysia yang ditahan berkaitan kes dadah ketika hadir dalam sidang media di Bali semalam. - AFP

gram," kata ketua jabatan kastam lapangan terbang Bali, Himawan Indraiono

dalam satu kenyataan.

Seorang lelaki warga AS ditahan di pejabat pos Bali

pada 30 November lalu ketika cuba mengambil bungkusan yang dihantar dari negara asalnya.

Pemeriksaan mendapati bungkusan itu mengandungi 336.6 gram cecair rokok elektronik yang mengandungi tetrahydrocannabinol, bahan aktif dalam ganja.

Rakyat Malaysia itu pula ditahan pada 8 November lalu selepas ditemui bersama 3.03 gram daun dipercayai ganja dan 0.65 serbuk putih dipercayai dadah.

Memiliki sejumlah kecil dadah boleh membawa kepada hukuman penjara yang lama di Indonesia, manakala jumlah yang lebih besar boleh dikenakan hukuman mati. - Reuters